

NO. SOALAN: 129

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMUR]

RUJUKAN : 10401

SOALAN:

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik terperinci jumlah permohonan tenaga kerja asing yang telah dikendalikan oleh FWCMS sejak ianya di tubuhkan pada tahun 2014. Nyatakan kos yang perlu di bayar oleh pemohon untuk proses permohonan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem Pengurusan Berpusat Pekerja Asing atau dikenali sebagai *Foreign Workers Centralised Management System (FWCMS)* mula digunakan pada 15 Jun 2015. Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia, seramai 967,366 orang pekerja asing telah diproses melalui FWCMS bermula 15 Jun 2015 sehingga 31 Oktober 2017. Daripada jumlah tersebut, seramai 890,710 orang calon pekerja asing telah disahkan layak untuk bekerja di Malaysia.

Vendor tidak mengenakan caj bagi Permohonan Visa Dalam Rujukan (e-VDR) oleh majikan di Malaysia namun pekerja asing yang menjalani pemeriksaan kesihatan di Klinik Bio-Medical perlu membayar fi pemeriksaan perubatan dan caj vendor sebanyak RM100.